

28/06/1999

Pilihan raya semakin hampir: Razaleigh

GUA MUSANG, Ahad - Semua jentera Umno dan Barisan Nasional (BN) di Kelantan diarah bergerak segera kerana gambaran yang diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menunjukkan pilihan raya umum semakin hampir.

Sehubungan itu, setiap perkara yang remeh-temeh hingga boleh menggugat kelancaran jentera pilihan raya perlu diketepikan demi mewujudkan perjuangan yang tulen bagi memastikan kemenangan BN di Kelantan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata susunan gerakan jentera itu perlu teratur supaya strategi BN bagi merampas semula pemerintahan Kelantan menjadi kenyataan.

Katanya, dalam tempoh yang singkat ini juga amat wajar bagi semua jentera di peringkat bawahan melakukan lawatan rumah ke rumah penduduk bagi menarik penduduk yang selama ini diracuni pembangkang, kembali ke pangkuan Umno yang banyak berjasa.

"Saya mempunyai agenda besar untuk dilaksana selepas ini apabila kita menang dan berjaya merampas semula pemerintahan kerajaan Kelantan daripada Pas.

"Bagaimanapun, kemenangan ini tidak boleh dicapai jika kita asyik leka dan bergantung harapan kepada pemimpin atasan berbuat demikian, kerana semuanya semakin sibuk dengan tugas masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada pelancaran Ketua Sepuluh Wanita Umno bahagian Gua Musang, di Pusat Sivik di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Umno bahagian Gua Musang, Mohd Saufi Deraman; Ketua Penerangan BN Kelantan, Datuk Mohd Rozali Isohak; Ketua Penerangan Pemuda Umno Kelantan, Aziz Awang dan Ketua Wanita Umno bahagian Gua Musang, Wan Hazani Wan Mohd Noor.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno bahagian itu menyatakan hasratnya sebelum ini untuk turun padang ke semua cawangan di bahagian itu bagi menerangkan isu semasa, terpaksa dibatalkan.

"Ini kerana saya sudah diberi tanggungjawab yang besar mengetuai Umno Kelantan dan barangkali semua pihak memahami tugas itu berat yang memerlukan kerjasama bagi mencapai hala tuju kemenangan itu," katanya.

(END)